

KEPUTUSAN FATWA BAGI TAHUN 2008

BIL	TARIKH MESYUARAT	TAJUK	KEPUTUSAN
1	(Bil. 1/2008) 5 Februari 2008	Permohonan Untuk Melantik Pegawai dan Kakitangan di Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor.	<ul style="list-style-type: none"> i. Harus menggunakan peruntukan zakat dari asnaf fi sabilillah bagi membiayai emolumen kakitangan kontrak Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor; dan ii. Bahagian Falak hendaklah berusaha untuk mendapatkan waran perjawatan tetap daripada kerajaan negeri.
2	(Bil. 1/2008) 5 Februari 2008	Anak Tak Sah Taraf; Perspektif Hukum Syara' dan Undang-Undang.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengesyorkan agar jawatankuasa teknikal undang-undang Majlis Agama Islam Selangor membuat pindaan terhadap enakmen dari segi peruntukan hukuman takzir kepada pesalah zina dan pembelaan kebajikan anak tak sah taraf. Pindaan dicadangkan pada: <ul style="list-style-type: none"> (a) enakmen undang-undang keluarga Islam (b) enakmen jenayah syariat; dan (c) lain-lain enakmen yang difikirkan perlu ii. Mengesyorkan agar Jabatan Mufti Selangor dengan kejasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mengadakan Muzakarah Khas mengenai mempertingkatkan bidangkuasa Mahkamah Syariah.

3	(Bil. 3/2008) 10 Jun 2008	Penyelesaian Permasalahan Tanah Wakaf Masjid as-Syariff, Meru Melalui Mekanisma Istibdal	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak harus istibdal ke atas tanah wakaf Masjid as-Syariff, Meru kerana tidak menepati syarat yang membolehkan istibdal; ii. Perjanjian yang telah dibuat di antara penyewa tanah dengan pihak masjid adalah tidak sah dari segi undang-undang sivil mahupun syariah; iii. Sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Negeri Selangor, disyorkan supaya MAIS mengadakan rundingan secara pentadbiran dengan penyewa tanah agar masalah ini dapat ditangani sebaik mungkin
4	(Bil. 3/2008) 10 Jun 2008	Hukum Menggunakan Wang Tabung Masjid Bagi Pemberian Saguhati AJK Masjid Yang Menghadiri Kursus	<ul style="list-style-type: none"> i. Harus menggunakan wang tabungan masjid selain tabungan yang khusus bagi pemberian saguhati kepada AJK Masjid yang menghadiri kursus; ii. Kadar pemberian saguhati hendaklah mengikut kadar yang munasabah. Bagi AJK Masjid yang tidak mempunyai pendapatan tetap, kadar pemberian saguhati adalah merangkumi Elaun Sara Hidup sepanjang kehadirannya berkursus; iii. Sekiranya wang tabungan masjid tidak mencukupi, JAIS hendaklah berusaha untuk mendapatkan dana daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai; iv. Disyorkan supaya setiap masjid mewujudkan tabungan khas pendidikan bagi tujuan pendidikan ahli kariah.

5	(Bil. 4/2008) 27 Ogos 2008	Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik	<ul style="list-style-type: none"> i. Harus menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) sama ada secara prabayar atau pascabayar; ii. Harus menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui internet, mesin ATM dan mesin e-debit; iii. Pihak CELCOM hendaklah mendahulukan bayaran zakat yang telah dibayar melalui pascabayar sebagai jaminan bayaran telah diterima; iv. Pihak CELCOM/bank adalah menjadi wakil kepada Lembaga Zakat Selangor dan hendaklah menghadkan tempoh masa penggunaan kaedah-kaedah ini bagi mengelakkan pembayaran zakat dilakukan melebihi waktu wajib zakat yang ditetapkan; v. Disyorkan supaya pihak CELCOM/bank mengadakan rundingan secara pentadbiran dengan Lembaga Zakat Selangor mengenai penyerahan jumlah wang zakat yang telah terkumpul.
6	(Bil. 4/2008) 27 Ogos 2008	Permohonan Kelulusan dan Pandangan Berkenaan Isu-lsu Kewajipan Membayar Zakat Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Hukum membayar zakat adalah wajib ke atas semua bentuk perniagaan yang memenuhi tuntutan syara' sama ada perniagaan tersebut berdaftar ataupun tidak berdaftar. ii. Hukum membayar zakat adalah wajib ke atas semua kumpulan perniagaan muslim dan syarikat perniagaan yang dimiliki oleh kerajaan sama ada kerajaan negeri ataupun kerajaan persekutuan.

			<p>iii. Pembayaran zakat oleh syarikat yang dimiliki individu atau perkumpulan muslim yang menjalankan perniagaannya di Negeri Selangor hendaklah dibuat di Negeri Selangor.</p> <p>iv. Hukum membayar zakat perniagaan adalah wajib ke atas setiap syarikat dalam kumpulan syarikat korporat yang terdiri dari pelbagai anak syarikat. Sekiranya syarikat induk telah membayar zakat yang wajib dikeluarkan oleh anak syarikat, maka anak syarikat tidak wajib membayar zakat.</p> <p>v. Harus membayar zakat kepada balu/waris si mati sekiranya termasuk dalam asnaf fakir atau miskin. Walau bagaimanapun, pihak bank tidak boleh mensyaratkan penerima (balu/waris) agar membayar hutang si mati.</p> <p>vi. (a) Pihak syarikat hendaklah menyerahkan terlebih dahulu kepada Lembaga Zakat Selangor kadar zakat yang wajib dikeluarkan;</p> <p>(b) Sebarang permohonan bolehlah dikemukakan kepada Lembaga Zakat Selangor bagi tujuan membantu yayasan/badan kebajikan Islam yang wujud di syarikat berkenaan.</p> <p>vii. Sebarang perbelanjaan berbentuk sedekah/waqaf yang telah dilakukan oleh pihak syarikat tidak boleh dianggap sebagai pendahuluan (taqdim) zakat.</p>
--	--	--	---

7	(Bil. 4/2008) 27 Ogos 2008	Panduan Penggunaan Wang Saham Wakaf Selangor, Majlis Agama Islam Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Harus menggunakan Wang Saham Wakaf untuk membiayai segala keperluan bagi mewujudkan sesuatu aset (seperti di jadual); ii. Harus menggunakan Wang Manfaat Wakaf untuk membiayai segala kos penyelenggaraan berkaitan keperluan bangunan (seperti di jadual); iii. Pihak MAIS disyorkan agar mempergiatkan usaha untuk menyuburkan harta-harta wakaf yang telah diwujudkan supaya hasil atau manfaat wakaf yang diterima akan lebih memberi keuntungan; iv. Pihak MAIS hendaklah memastikan terlebih dahulu sesuatu harta yang diterima untuk tujuan diwakafkan adalah merupakan harta milik sempurna yang tidak ada sebarang tanggungan.
8	(Bil. 5/2008) 2 Disember 2008	Memberi Bonus Kepada Penyelia dan Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI) Negeri Selangor Darul Ehsan	"Bersetuju dengan pengagihan bonus berjumlah RM 3,144,000.00 kepada penyelia dan guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI) Negeri Selangor yang dibiayai melalui tiga sumber peruntukan kewangan iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kerajaan Negeri dan Baitulmal".
9	(Bil. 5/2008) 2 Disember 2008	Mewujudkan Jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 Kontrak di Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama	<ul style="list-style-type: none"> i. Bersetuju untuk mewujudkan jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 kontrak di Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dan Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar (MITIB) di Negeri Selangor mengikut keperluan

		Integrasi (SRAI) dan Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar (MITIB) di Negeri Selangor	<p>guna tenaga yang optimum;</p> <p>ii. Harus menggunakan wang zakat dari peruntukan asnaf fi sabilillah untuk membiayai emolumen pegawai-pegawai yang telah dilantik.</p>
10	(Bil. 5/2008) 2 Disember 2008	Sistem Pengurusan Online Pentadbiran Masjid Bagi Negeri Selangor (SPMS)	"Bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan Sistem Pengurusan Online Pentadbiran Masjid Negeri Selangor (SPMS) kerana ia dilihat sebagai satu usaha murni ke arah memantapkan institusi masjid di Negeri Selangor".
11	(Bil. 5/2008) 2 Disember 2008	Meminta Fatwa Mengenai Penggunaan Wang Zakat Bagi Membiayai Kos Berkaitan Kes Permohonan Perisytiharan Murtad Dalam Proses <i>Istitabah</i> di Baitul Iman	<p>i. Harus menggunakan wang zakat untuk membiayai perbelanjaan berkaitan kes permohonan perisytiharan murtad dalam proses <i>istitabah</i> di Baitul Iman;</p> <p>ii. Sekiranya pemohon masih dalam tempoh muallaf (5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf muallaf;</p> <p>iii. Sebaliknya jika pemohon telah melebihi tempoh muallaf (melebihi 5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf fi sabilillah.</p>
12	(Bil. 5/2008) 2 Disember 2008	Pembayaran Emolumen Pegawai-Pegawai MAIS Mengguna Peruntukan Asnaf Fi Sabilillah	"Harus menggunakan wang zakat dari peruntukan asnaf amil untuk membiayai emolumen pegawai-pegawai MAIS di bahagian tertentu yang mana bidang tugasnya adalah terlibat secara langsung dalam mengurus hal ehwal kewangan zakat".